



Memahami Risiko-Risiko Pekerjaan Dalam Industri Pengeluaran Minyak Sawit

Apakah Pekerjaan Secara Paksa?

Dalam istilah Pertubuhan Buruh Antarabangsa pekerjaan secara paksa merupakan “semua jenis pekerjaan atau perkhidmatan yang diminta dilakukan oleh seseorang dengan unsur ugutan penalti dan tanpa kerelaan.”¹ Ini bermaksud seseorang berada dalam situasi pekerjaan secara paksa sekiranya mereka dipaksa bekerja tanpa kerelaan hati atau tanpa diberi pemberitahuan awal, dan akan dikenakan penalti atau menerima ancaman penalti dalam pelbagai bentuk sekiranya berhenti dari pekerjaan tersebut. Dalam kes ini, penalti termasuk kekangan secara fizikal atau hukuman, atau bentuk-bentuk penganiayaan lain seperti ugutan penghantaran pulang ke negara asal pekerja, rampasan pasport, atau tidak dibayar gaji sekaligus membuat pekerja terikat kepada pekerjaan atau majikan.

Apakah Itu Perdagangan Manusia?

Perdagangan manusia boleh membawa kepada pekerjaan secara paksa Ia melibatkan pergerakan seseorang biasanya melintasi sempadan-sempadan antarabangsa dan juga garis persempadanan dalam negara. Pergerakan seseorang itu dilakukan kerana ugutan, ditipu atau diambil kesempatan atas kelemahan yang ada untuk tujuan dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu. Protokol Palermo Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2000, yang memberikan istilah perdagangan manusia yang diterimapakai diperingkat antarabangsa, menyatakan bahawa penganiayaan seperti ini melibatkan tiga elemen: tindakan, cara dan tujuan.²

| | |
|------------------|--|
| Tindakan: | Termasuk pengambilan, penghantaran, melindungi, dan menerima seseorang – wanita, lelaki atau kanak-kanak. |
| Cara: | Merujuk kepada ugutan atau penggunaan kekerasan, penipuan, atau penyalahgunaan kuasa. |
| Tujuan: | Merujuk kepada eksploitasi termasuk pekerjaan secara paksa, pengabdian, penghambaan, dan amalan-amalan yang serupa dengan penghambaan. |

Apabila seseorang itu didagang untuk tujuan bekerja secara paksa, amalan ini dianggap sebagai penghambaan zaman moden.

Skop Global Tentang Masalah

Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa terdapat sekurang-kurangnya 20.9 juta orang yang bekerja secara paksa didalam dunia pada masa-masa tertentu.³ Ini termasuk 11.7 juta buruh paksa di Asia, wilayah yang mempunyai kes penganiayaan sedemikian yang terbesar. Kajian global menunjukkan bahawa perdagangan manusia dan pekerjaan secara paksa mudah berlaku dalam industri-industri utama seperti pertanian, perhutanan, pembalakan dan pemprosesan makanan.

1. ILO Forced Labor Convention, 1930 (No. 29). See: ILO, Combating Forced Labor: A Handbook for Employers and Business, 2008.

2. UNGIFT, Human Trafficking and Business: Good Practices to Prevent and Combat Human Trafficking, 2010.

3. ILO, Global Estimate of Forced Labor: Results and Methodology, 2012.

4. ILO, The Cost of Coercion: Global Report under the follow-up to the ILO Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work, 2009.



Fair Labor. Worldwide.

Ibu pejabat Verité:
44 Belchertown Road
Amherst, MA 01002 USA
Tel : +011.413.253.9227
Emel: verite@verite.org

Verité Southeast Asia:
Unit 304 CRM Building
Quezon City 1102 Philippines
Tel : +011.632.426.0230



Pertubuhan Buruh Antarabangsa menganggarkan sejumlah lebih kurang US \$32 billion setahun dijana dalam bentuk keuntungan daripada perdagangan manusia. Manakala kos untuk memaksa pekerja dalam bentuk kehilangan gaji, pemotongan secara haram dan/atau caj upah yang terlalu tinggi adalah dianggarkan sebanyak US \$21 billion setahun.⁴ Menurut beberapa pihak, jumlah-jumlah tersebut meletakkan perdagangan manusia sebagai perniagaan jenayah ketiga paling menguntungkan di dunia selepas dadah dan perdagangan senjata.

Eksplotasi Pekerja Dan Minyak Sawit

Keadaan ditempat kerja yang berunsur eksplotatif berkaitan dengan industri sawit sejak beberapa tahun kebelakangan. Ini termasuk waktu kerja yang terlalu panjang, isu keselamatan ditempat kerja dan bahaya kepada kesihatan, buruh kanak-kanak, buruh paksa, dan perdagangan perkerja asing. Penghijrahan yang tidak menentu ke negara-negara penghasil minyak sawit, termasuk pengambilan pekerja asing secara tidak beretika dan berunsur penipuan juga telah dianggap sebagai sesuatu yang sudah biasa dan sering berlaku sekaligus memburukkan lagi keadaan pekerja yang berhijrah. Kedudukan ladang-ladang sawit yang jauh juga menambah kepada keburukkan tersebut. Berikut adalah indikator yang biasa berkait dengan pekerjaan secara paksa dan perdagangan manusia secara praktik.

Mengenal Pasti Pekerjaan Secara Paksa Dan Perdagangan Manusia Secara Praktik: Indikator Paksaan Yang Biasa Berlaku

- Penahanan secara fizikal ditempat kerja
- Majikan atau agen pekerjaan menipu atau membuat janji kosong mengenai terma dan syarat pekerjaan
- Keganasan fizikal dan seksual keatas pekerja
- Pekerja asing yang tidak tetap diugut untuk diambil tindakan oleh pihak berkuasa untuk dihantar pulang atau dikedam
- Kebebasan pergerakan disekat
- Levi dikenakan keatas deposit atau upah “keselamatan” untuk mengikat pekerja kepada pekerjaan
- Upah pengambilan bekerja yang tinggi dikenakan keatas pekerja
- Gaji ditahan atau tidak dibayar langsung
- Dokumen-dokumen peribadi atau benda hak milik yang berharga ditahan
- Levi dikenakan keatas penalti kewangan
- Pekerja dipaksa menanggung hutang disebabkan oleh pemalsuan maklumat akaun atau kadar bunga yang tinggi dikenakan keatas pinjaman
- Pekerja tidak mendapat makanan, tempat tinggal atau keperluan asas lain
- Kontrak diubah



Fair Labor. Worldwide.

Ibu pejabat Verité:

44 Belchertown Road
Amherst, MA 01002 USA

Tel : +011.413.253.9227

Emel: verite@verite.org

Verité Southeast Asia:

Unit 304 CRM Building
Quezon City 1102 Philippines

Tel : +011.632.426.0230

Memahami Risiko Kepada Perniagaan: Membawa Kes Kepada Tindakan

Penganiayaan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja asing yang didagang – sebagai contoh penipuan oleh broker-broker pekerjaan yang tidak ikhlas, amalan-amalan yang membuat para pekerja berasa berhutang dan dipaksa di tempat kerja masing-masing – menimbulkan pelbagai risiko kepada perniagaan-perniagaan di arena global. Risiko-risiko tersebut adalah dalam pelbagai bentuk dan boleh timbul dalam “lokasi-lokasi” perniagaan termasuk:

- Didalam operasi sesebuah syarikat;
- Disepanjang rantaian bekalan global;
- Didalam sistem-sistem sub-kontrak dan perkhidmatan luar yang tidak telus malah mencurigai
- Di “pengkalan” rantaian nilai komoditi; atau

- Menerusi tindakan-tindakan mengaburi mata oleh rakan perniagaan atau mereka-mereka yang memberi perkhidmatan di pihak ketiga seperti broker-broker pekerjaan, perkhidmatan keselamatan atau syarikat-syarikat pembersihan.

Risiko-risiko adalah secara langsung atau tidak langsung, dan mampu berupa dalam bentuk-bentuk tertentu dimana pihak syarikat atau jenama tidak sedar. Untuk lebih memahami dinamik yang kompleks ini, carta berikut menunjukkan jenis-jenis risiko yang mampu mengancam sesebuah perniagaan. Dari segi keseluruhan, ia memaparkan satu tindakan untuk mengatasi pekerjaan secara paksa.



Kajian kes

Eric dari negara filipina: didagang untuk bekerja di ladang sawit di sabah

Eric, yang berumur 23 tahun dan bekerja sebagai pekerja kebun di negara Filipina, mengambil keputusan untuk mencari pekerjaan sebagai pekerja luar negara di Malaysia. Pihak yang membantu mencari pekerjaan untuknya menawarkan pekerjaan di sebuah ladang dengan gaji sebanyak US\$444 sebulan, termasuk makan dan minum dan juga tempat tinggal. Dia juga dijanjikan dengan peluang untuk mendapat gaji lebih melalui kerja lebih masa. Dia diberitahu bahwa visa kerjanya akan diberi ditempat kerja tersebut. Apabila tiba, paspot Eric diambil. Dia seterusnya ditempatkan bersama dengan 9-12 pekerja lain yang berkongsi satu bilik tidur dan dikenakan bayaran US\$10 seminggu sebagai bayaran untuk makan dan minum. Setiap pekerja diladang tersebut mempunyai kuota untuk menuai 150 buah sawit sehari. Sekiranya mereka tidak mencapai kuota tersebut mereka diarah untuk terus bekerja sehingga mencapainya. Akibat kelambatan para pekerja ketinggalan kenderaan yang mengambil mereka untuk pulang ke rumah dan terpaksa berjalan kaki selama 1.5 jam didalam suasana gelap. Makan dan minum tidak pernah mencukupi. Eric terpaksa membeli makanan tin secara kredit dan menggunakan air hujan untuk air minum dan masak. Eric tidak pernah menerima visa kerjanya. Di ladang pertama tempat dia bekerja, Eric tidak dibayar gaji. Selepas dua minggu dia meninggalkan tempat kerja dan seterusnya bekerja di sebuah ladang yang lain dimana suasana tempat tinggal adalah lebih teruk. Apabila suasana tempat tinggal tidak bertambah baik, sekumpulan pekerja membantah. Kontraktor pekerjaan bertindak dengan melapor kepada pihak berkuasa atas alasan para pekerja tersebut tidak mempunyai visa kerja yang betul. Mereka ditangkap dan seterusnya dihantar di pusat tahanan sementara untuk ditahan sebelum dihantar pulang ke negara mereka. Eric ditahan selama sepuluh bulan. Jumlah keseluruhan kerugian yang ditanggung olehnya ialah US\$2859 dan dia tidak pernah menerima gaji disepanjang tempoh dia bekerja. Dia juga tidak mampu untuk membayar hutang yang diambilnya untuk membayar upah agen pekerjaan.

Bentuk-Bentuk Risiko Perniagaan Yang Berkaitan Dengan Pekerjaan Secara Paksa & Perdagangan Manusia



Fair Labor. Worldwide.

Ibu pejabat Verité:
44 Belchertown Road
Amherst, MA 01002 USA
Tel : +011.413.253.9227
Emel: verite@verite.org

Verité Southeast Asia:
Unit 304 CRM Building
Quezon City 1102 Philippines
Tel : +011.632.426.0230

Risiko undang-undang

Forced labor and human trafficking are considered crimes in most countries around the world. Companies found involved or complicit in such activity could face prosecution resulting in criminal or civil sanctions including fines, compensation to victims and imprisonment. Forced labor and human trafficking are also considered violations of international human rights law.

Ancaman kepada nilai jenama & reputasi syarikat

Allegations of forced labor and human trafficking can present serious threats to brand value and company reputation, particularly for those companies operating in consumer goods industries. Brand "contamination" can be difficult to reverse, and allegations such as these can threaten both existing and future business partnerships, resulting in a loss of contracts and/or future business opportunities.

| | |
|---|--|
| <p>Risiko berkaitan perdagangan</p> | <p>In some countries, trade regulations strictly prohibit the import of goods that have been produced by trafficked or forced labor. In these jurisdictions, allegations of abuse can result in imported goods being seized by public authorities, inspected, and released only when shown to be untainted.</p> |
| <p>Ancaman kepada pelaburan & kewangan</p> | <p>Allegations of human rights abuse, forced labor and human trafficking can significantly threaten investor relations and risk divestment from both ethical and mainstream investors. They can also jeopardize access to public funds such as export credits, as public authorities increasingly link the financial support they provide to business with proven ethical performance.</p> |

Maklumat Selajutnya

ILO, Combating Forced Labor: A Handbook for Employers and Business, 2008.

UNGIFT, Human Trafficking and Business: Good Practices to Prevent and Combat Human Trafficking, 2010.

Verité, A Fair Hiring Framework for Responsible Business, 2011.

Verité, Fair Hiring Toolkit, 2011. (www.verite.org/helpwanted/toolkit)

VERITÉ adalah sebuah badan bukan kerajaan antarabangsa yang memberi khidmat juruperundingan, latihan dan kajian. Ia merupakan organisasi yang tidak berasas kepada keuntungan dan telah memelopori bidang tanggungjawab sosial dan kelestarian dalam rantaian bekalan sejak 1995.

Untuk maklumat lanjut tentang program Verité mengenai Amalan Pekerjaan Beretika dalam Bidang Minyak Sawit, sila hubungi Ms. Daryll Delgado (Asia, Africa) di ddelgado@verite.org, atau Mr. Philip Hunter (Americas, Europe) di phunter@verite.org.



Fair Labor. Worldwide.

Ibu pejabat Verité:

44 Belchertown Road
Amherst, MA 01002 USA

Tel : +011.413.253.9227

Emel: verite@verite.org

Verité Southeast Asia:

Unit 304 CRM Building
Quezon City 1102 Philippines

Tel : +011.632.426.0230



Verité gratefully acknowledges Humanity United for their generous support of this initiative